

TARIKH	8 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	26	RUANGAN	Setempat

Keputusan kuota haji awal Ramadan

KOTA BHARU: Isu sama ada permohonan kuota jemaah haji dari Malaysia terjejas berikutah perhimpunan Bersih 3.0 di Makkah dan Madinah pada 26 April lalu hanya akan diketahui pada awal Ramadan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, (*gambar*) berkata, kerajaan Arab Saudi akan memutuskan perkara itu pada tempoh berkenaan.

Katanya, kerajaan Arab Saudi begitu sensitif dengan sebarang demonstrasi kerana ia akan mengganggu pentadbiran kerajaan mereka. "Kuota haji hanya akan dapat tahu pada awal Ramadan, biasanya mereka bertemu dalam bulan berkenaan dan kita tunggulah. Kita tidak boleh kata yakini sebab kata putus daripada mereka, kita usahakan, bukannya buat pada saat akhir."

"Saya di peringkat kerajaan berusaha untuk memaklumkan bahawa apa yang berlaku itu adalah hal di luar jangkauan kerajaan kita dan ia juga tidak ada kena mengena dengan kerajaan serta dilakukan oleh mereka tidak bertanggungjawab dan janganlah rakyat Malaysia dihukum," katanya pada sidang media selepas Seminar Wasatiyyah dan Gagasan IMalaysia, di

sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berbincang, jika kuota terganggu maka ia akan memberi kesan kepada sejumlah 930,000 individu yang dalam senarai menunggu untuk menuaikan ibadat haji.

"Sebab itu, jika ada hal negatif yang menyentuh soal kuota tahun ini terganggu, ia akan beri kesan kepada senarai menunggu itu sekali gus menyebabkan sejaklik ramai yang tertinggal," katanya.

Selain itu, Jamil Khir menafikan bahawa proses pembangunan di Makkah akan menyebabkan kuota haji turut terjejas.

Katanya, perkara itu tidak



ada kena mengena walaupun tempat penginapan di sana termasuk hotel turut diruntuhkan.